

S46 akan tenggelam, kata PM

13 APR 1991

ALOR STAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata parti Semangat 46 akan 'tenggelam' kerana kebanyakan ahlinya sudah sedar bahawa perjuangan mereka selama ini tidak bermakna sama sekali.

Katanya, perjuangan Semangat 46 selama ini hanya memecahbelahkan orang Melayu saja.

Bellau berkata, perjuangan mereka selama ini juga tidak mendapat sokongan rakyat secara menyeluruh.

"Semangat 46 kalah di seluruh negara, kecuali menang di Kelantan saja," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Kepala Batas dekat di sini, petang ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff dan isteri, Datin Seri Hajah Azizah Abdul Hamid sebelum berangkat menghadiri majlis berbuka puasa dengan penduduk di kawasan Mada Kodiang, Jitra, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Tidak ada makna lagi Semangat 46 berjuang dan kebanyakan ahlinya sudah menyertai Umno.

gara ini, terutama orang Islam, hendaklah sentiasa berusaha gigih dan tidak berusaha hanya untuk kepentingan sekarang saja.

Menurutnya, setiap kebaikan yang kita lakukan sekarang hendaklah memikirkan kepentingan generasi akan datang. Ini kerana kebanyakan orang Islam hanya melakukan sesuatu perkara untuk kepentingan sendiri tanpa memikirkan kebakkannya untuk masa depan.

"Kita hendaklah mengambil contoh Jepun yang kalah dalam Perang Dunia Kedua kerana serangan Amerika, tetapi mereka terus berusaha sehingga akhirnya disegani negara maju di seluruh dunia masa kini," katanya ketika berucap di majlis berbuka puasa anjuran Pertubuhan Peladang Mada di sini, malam ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff, Wakil Rakyat Tunjang, Datuk Haji Hanafi Ramli dan isteri masing-masing.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin Malaysia boleh menjadi sebuah negara termaju seperti Jepun yang kini termasuk dalam golongan Kumpulan Tujuh (G7).

"Sudah menjadi dasar Umno untuk menerima siapa saja yang berminat menyertai parti ini."

Ditanya sama ada Umno menawarkan sebarang jawatan kepada bekas pengerusi Semangat 46 Kedah, Datuk Haji Zainol Abidin Johari, beliau berkata: "Kita tak menawarkan sebarang jawatan apa pun. Takkan nak masuk Umno kerana jawatan."

Mengenai permintaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya Malaysia menghantar anggota tentera untuk berkhidmat dengan Pasukan Pemerhati Iraq-Kuwait (Unikom) beliau berkata: "Kita akan timbang dan tengok keadaan, tetapi biasanya kita setuju."

Sementara itu, ketika di Kodiang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan mencapai taraf negara termaju dalam pelbagai bidang, setanding dengan negara maju lain di dunia, dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Bagaimanapun, katanya, untuk mencapai matlamat itu, rakyat ne-

"Ini berdasarkan beberapa kemajuan yang dicapai dalam pelbagai bidang, termasuk bidang perusahaan seperti elektronik dan perindustrian lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana dalam usaha negara ini membangun ada beberapa pihak tidak senang hati dan menabur fitnah serta tohmah terhadap pembangunan negara.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan supaya rakyat negara ini, terutama orang Islam, supaya bersabar dan tidak bertindak melulu.

"Kita harus merujuk kepada hadis dan al-Quran yang boleh menyelesaikan segala masalah dan bukan menerusi cara yang bertentangan," katanya.

Namun begitu, beliau berbangga kerana Malaysia sebuah negara Islam merangkumi pelbagai bangsa sentiasa hidup aman berbanding negara Islam lain di dunia.

"Tidak ada gunanya kita mengeluarkan hadis atau mengadakan tunjuk perasaan jika tidak berusaha membanterasnya," katanya.